

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 9 Mac 2017**

**SOALAN**

Datuk Noor Ehsanuddin Bin Mohd Harun Narrashid [ Kota Tinggi ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan pengukur Indikator Kesejahteraan Keluarga (IKK) nasional yang menjadi salah satu "outcome" nasional bagi Rancangan Malaysia ke 11.

## **JAWAPAN**

Bagi memastikan outcome nasional seperti yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) iaitu indeks kesejahteraan keluarga negara 8.0 menjelang tahun 2020 tercapai, Kementerian melalui LPPKN terus memantau tahap kesejahteraan keluarga di Malaysia. Menyedari hakikat tentang isu dan cabaran yang lebih kompleks dihadapi oleh keluarga masa kini, LPPKN telah mengambil inisiatif melaksanakan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia pada tahun 2016 dengan menambah baik kaedah pengukuran indeks yang mencakupi pelbagai dimensi kesejahteraan kehidupan keluarga. Kaedah pengukuran IKK 2016 telah mengekalkan ketujuh-tujuh domain yang terdapat dalam IKK 2011 selain mempunyai satu domain baru iaitu domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi dan 23 indikator. No. Domain Indikator 1 Hubungan Kekeluargaan 1. Penglibatan ibu bapa 2. Kualiti masa bersama keluarga 3. Imbalan kerja-keluarga 4. Perhubungan rapat 5. Kefungsian keluarga 6. Daya tindak keluarga 7. Daya tahan keluarga 2 Ekonomi Keluarga 1. Kesejahteraan kewangan 2. Pengurusan kewangan 3 Kesihatan Keluarga 1. Amalan kesihatan keluarga 2. Kesihatan umum 4 Keselamatan Keluarga 1. Keselamatan keluarga 2. Pengetahuan kecemasan 5 Keluarga Dan Keterlibatan Komuniti 1. Kerjasama dalam komuniti 2. Hubungan dalam komuniti 6 Keluarga, Peranan Agama & Amalan Kerohanian 1. Peranan agama 2. Amalan kerohanian 7 Perumahan Dan Persekutaran 1. Kawasan perumahan 2. Tahap pencemaran 3. Amalan 3R 8 Keluarga & Teknologi Komunikasi 1. Pengaruh aplikasi komunikasi 2. Penggunaan SMS dan panggilan telefon 3. Kawalan terhadap penggunaan teknologi komunikasi Secara keseluruhannya, skor Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2016 berada di tahap sederhana iaitu nilai skor yang dicatatkan adalah 7.33 daripada skala maksimum 10. Skor mengikut domain adalah seperti berikut: 1. Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian = 8.04 2. Domain Keselamatan Keluarga = 7.96 3. Domain Hubungan Kekeluargaan = 7.90 4. Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti = 7.84 5. Domain Kesihatan Keluarga = 7.18 6. Domain Ekonomi Keluarga = 7.05 7. Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi = 6.38 8. Domain Rumah dan Persekutaran = 6.24 Secara kesimpulan, kesemua nilai skor domain tersebut berada pada tahap sederhana kecuali domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian yang dikategorikan dalam tahap tinggi. Berdasarkan daripada penemuan indeks ini, usaha yang berterusan dan menyeluruh perlu dilaksanakan oleh pelbagai pihak untuk terus meningkatkan tahap kesejahteraan keluarga dari semasa ke semasa. Melalui IKK 2016, skor domain serta indikator yang diperolehi boleh dijadikan rujukan dan panduan kepada para penggubal dasar, perancang dan pelaksana program untuk merangka dan membangunkan program intervensi yang bersesuaian dan tepat kepada sasaran. Saya menyeru agar semua agensi Kerajaan, swasta, dan NGO untuk bersama-sama membantu bagi menjayakan agenda keluarga dan komuniti yang dirancangkan agar kesejahteraan keluarga dan masyarakat dapat dipertingkatkan.

